

BANK ISLAM RAIKAN PEMENANG KEMPEN PEMBIAYAAN MEGA 2024

Empat pemenang pandu pulang kereta baharu dan 41 pelanggan menangi telefon iPhone terkini

KUALA LUMPUR, Rabu [14 Ogos 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini meraikan empat pemenang bertuah Kempen Pembiayaan Mega suku pertama dan kedua 2024. Kesemua pemenang terbabit berjaya membawa pulang sebuah MPV Perodua Alza.

Di samping itu, 41 pemenang lagi menerima telefon pintar terkini, iPhone 15 Pro, sempena Kempen 41 Tahun Bank Islam.

Kempen Pembiayaan Mega, yang berlangsung dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2024, bertujuan untuk meraikan dan menghargai para pelanggan yang terus menyokong produk pembiayaan Peribadi-i, Rumah-i dan Kenderaan-i Bank Islam.

Ketua Pegawai Perniagaan – Perbankan Runcit Kumpulan Bank Islam, Mizan Masram berkata, "Bank Islam amat prihatin dengan kehendak dan keperluan pelanggan dan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan penawaran penyelesaian kami."

"Kempen ini juga memberi peluang kepada kami untuk terus menyantuni pelanggan setia dan menghargai mereka atas sokongan dan kesetiaan terhadap Bank Islam."

Berdasarkan kepada permohonan pembiayaan pengguna yang telah diterima dan diluluskan, Bank Islam telah menunjukkan kenaikan sebanyak 24% untuk tempoh separuh pertama tahun 2024 berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2023.

Bank Islam turut sama meraikan bulan kemerdekaan ini dengan melancarkan Kempen Merdeka bertemakan "Kecapi Kemerdekaan Melalui Kebebasan Kewangan" bermula 1 Ogos 2024 dan akan berakhir pada 31 Disember 2024. Kemudahan pembiayaan peribadi terbaharu ini menawarkan kadar serendah 2.49% setahun, kadar terendah yang pernah ditawarkan oleh Bank Islam.

Di samping itu, Bank Islam turut menawarkan kemudahan pembiayaan perumahan dan pembiayaan semula perumahan, dengan kadar serendah 3.80% setahun. Selain daripada dana pembiayaan rumah, Pelanggan yang memohon juga boleh mendapatkan *Auxiliary Financing* atau Pembiayaan Tambahan di bawah Pembiayaan Peribadi-i untuk tujuan pengubahsuaian dan melengkapkan rumah.

Senarai nama pemenang yang membawa pulang sebuah Perodua Alza adalah:

Kempen	Nama pemenang
Pembiayaan Mega 1.0	AZIDA SALEH
Pembiayaan Mega 1.0	MOHAMAD SALLAHUDDIN SHAMSUDDIN
Pembiayaan Mega 2.0	RIZZIENO HASIDA
Pembiayaan Mega 2.0	NAZRUL HASNUL

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Pembiayaan Mega 2024 Bank Islam, layari

www.bankislam.com

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.